



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 76
No. 51

28hb Disember 2023

*TAMBAHAN No. 6
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 8 Disember 2023 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada 21 Disember 2023 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactment passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 8 December 2023 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak Darul Ridzuan on 21 December 2023 is published for general information:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen 19	Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023
Enactment 19	Muslim Wills (Perak) Enactment 2023



UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 19

ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM (PERAK) 2023

Tarikh Perkenan Diraja 21 Disember 2023

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 28 Disember 2023

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 19

ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM (PERAK) 2023

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II PELAKSANAAN WASIAT

3. Pembuatan wasiat
4. Kelayakan pewasiat
5. Wasiat bersyarat
6. Pindaan wasiat
7. Pembuktian pindaan atau pembatalan wasiat
8. Kelayakan wasi
9. Syarat penerima wasiat
10. Syarat harta yang diwasiatkan
11. Kaedah berwasiat
12. Penyelesaian tanggungan sebelum pelaksanaan wasiat
13. Wasiat kepada tempat ibadat orang Islam dan badan kebajikan

BAHAGIAN III

WASIAT TERBATAL DAN WASIAT TERHALANG

Seksyen

14. Wasiat terbatal
15. Wasiat orang yang ditahan atau ditegah menguruskan hartanya
16. Orang yang membunuh pewasiat tidak berhak kepada wasiat

BAHAGIAN IV

PENARIKAN BALIK WASIAT

17. Perbuatan yang boleh dianggap sebagai menarik balik wasiat
18. Perbuatan yang tidak boleh dianggap sebagai menarik balik wasiat

BAHAGIAN V

PENERIMAAN DAN PENOLAKAN WASIAT

19. Penerimaan dan penolakan wasiat
20. Penerimaan dan penolakan oleh wali harta
21. Penerimaan dan penolakan oleh badan yang diperbadankan atau tidak diperbadankan
22. Tempoh penerimaan atau penolakan wasiat
23. Penerimaan dan penolakan sebahagian daripada wasiat
24. Penolakan sebelum dan selepas kematian pewasiat
25. Hak penerima wasiat terhadap harta yang diwasiatkan

BAHAGIAN VI

PENERIMA WASIAT

26. Wasiat kepada penerima wasiat yang belum wujud, dsb
27. Wasiat kepada orang tertentu
28. Wasiat kepada anak dalam kandungan

Seksyen

- 29. Anak dalam kandungan yang dilahirkan lebih daripada seorang
- 30. Wasiat kepada waris dan bukan waris

BAHAGIAN VII

WASIAT WAJIBAH

- 31. Wasiat *wajibah*
- 32. Kadar wasiat *wajibah*
- 33. Pembahagian wasiat *wajibah*

BAHAGIAN VIII

KUASA MAJLIS

- 34. Kuasa Majlis
- 35. Pelantikan Ketua Pendaftar Wasiat dan Pendaftar Wasiat
- 36. Pendaftaran wasiat, wasi dan penyedia wasiat

BAHAGIAN IX

PENGESAHAN WASIAT

- 37. Pengesahan wasiat di mahkamah

BAHAGIAN X

AM

- 38. Hukum Syarak
- 39. Kuasa membuat peraturan-peraturan

JADUAL

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 19

ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM (PERAK) 2023

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
Sultan Perak

21 Disember 2023

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan berhubung dengan wasiat orang Islam dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Majlis dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Walau apa pun yang dinyatakan dalam subseksyen (2), Majlis dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Enakmen ini.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain–

“dilahirkan hidup” ertinya seseorang yang dilahirkan hidup menurut Hukum Syarak;

“harta” termasuklah tetapi tidak terhad kepada–

- (a) harta alih, harta tak alih atau harta intelek;
- (b) apa-apa hak, kepentingan, hak milik atau selainnya yang berkaitan dengan harta alih, harta tak alih atau harta intelek;
- (c) apa-apa manfaat atau kepentingan dalam apa-apa harta alih, harta tak alih atau harta intelek;
- (d) kepakaran dan perkhidmatan yang mempunyai nilai menurut Hukum Syarak; atau
- (e) apa-apa harta lain sama ada pada masa sekarang atau hadapan yang mempunyai nilai menurut Hukum Syarak;

“harta pusaka” ertinya semua harta peninggalan si mati;

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali;

“hutang” ertinya wang dan lain-lain yang terbit atau yang dipinjam daripada mana-mana orang termasuklah perbelanjaan bagi penyempurnaan ibadah khusus pewasiat yang belum selesai termasuklah zakat, badal haji, fidyah, kafarah, nazar dan sebagainya;

“*iqrar*” ertinya suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*];

“*maradh-al-maut*” ertinya sakit yang boleh membawa maut yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) sakit itu hendaklah menyebabkan kematian;
- (b) sakit itu hendaklah menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda pesakit;
- (c) hendaklah terdapat beberapa tanda luaran suatu penyakit yang serius; dan
- (d) sakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun;

“orang” termasuklah orang perseorangan, jabatan, agensi kerajaan, perbadanan, syarikat, koperasi, perkongsian, persatuan, firma, usaha sama atau pemegang amanah;

“penerima wasiat” ertinya orang yang menerima apa-apa harta yang diwasiatkan;

“penyedia wasiat” ertinya mana-mana orang yang memberi perkhidmatan penyediaan wasiat orang Islam dalam Negeri Perak;

“pewasiat” ertinya orang yang membuat wasiat;

“wali harta” ertinya orang yang berhak bertindak sebagai penjaga harta bagi seseorang yang belum mencapai umur lapan belas tahun atau anak dalam kandungan atau orang yang ditegah daripada menguruskan hartanya dan termasuklah seseorang yang dilantik sebagai wali harta oleh mahkamah;

“waris” ertinya seseorang yang berhak mewarisi harta pusaka menurut Hukum Syarak;

“wasi” ertinya orang yang kepadanya diamanahkan pelaksanaan sesuatu wasiat dan termasuklah seseorang yang dilantik sebagai wasi oleh mahkamah;

“wasiat” ertinya pemberian seseorang yang dibuat pada masa hayatnya ke atas hartanya untuk disempurnakan selepas kematiannya bagi maksud kebajikan yang dibenarkan menurut Hukum Syarak; dan

“wasiat *ikhtiyariyyah*” ertinya wasiat secara pilihan.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan tidak ditafsirkan dalam Enakmen ini tetapi ditafsirkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] hendaklah masing-masing mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta itu setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersempentangan dengannya dalam Jadual.

BAHAGIAN II

PELAKSANAAN WASIAT

Pembuatan wasiat

3. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat dengan lisan atau tulisan dan jika pewasiat itu tidak dapat melakukan sedemikian, wasiatnya bolehlah dibuat dengan cara isyarat yang boleh difahami.

(2) Wasiat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat di hadapan saksi yang boleh diterima menurut Hukum Syarak.

(3) Wasiat di bawah subseksyen (1) boleh dibuat bagi tempoh tertentu atau untuk selama-lamanya.

Kelayakan pewasiat

4. (1) Pewasiat hendaklah seorang yang—

(a) telah mencapai umur lapan belas tahun;

(b) sempurna akal;

(c) bertindak dengan sukarela dan tidak dipaksa; dan

(d) tidak ditegah daripada mengurus hartanya.

(2) Jika pewasiat dalam keadaan *maradh-al-maut*, dia hendaklah waras fikiran dan memahami akan keadaan dan akibat tindakannya semasa sesuatu wasiat itu dibuat.

Wasiat bersyarat

5. (1) Pewasiat boleh membuat apa-apa wasiat secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat.

(2) Sesuatu wasiat yang tertakluk kepada apa-apa syarat termasuk syarat yang menentukan cara bagaimana harta wasiat itu akan digunakan adalah sah jika syarat itu tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.

Pindaan wasiat

6. Tertakluk kepada seksyen 3, pewasiat boleh meminda sesuatu wasiat dengan menambah, mengurang atau mengganti harta yang diwasiatkan, penerima wasiat yang dinamakan atau perkara-perkara yang dinyatakan di dalam wasiat.

Pembuktian pindaan atau pembatalan wasiat

7. Tiada apa-apa pembuktian atau keterangan berhubung dengan pindaan atau pembatalan sesuatu wasiat selepas kematian pewasiat boleh diterima oleh mahkamah melainkan dibuktikan dengan keterangan yang boleh diterima menurut undang-undang.

Kelayakan wasi

8. (1) Wasi hendaklah seorang yang—

(a) beragama Islam;

(b) adil;

(c) telah mencapai umur lapan belas tahun;

(d) sempurna akal; dan

(e) mempunyai keupayaan mengurus hartanya.

(2) Wasi juga termasuk badan yang diamanahkan oleh pewasiat atau badan yang dilantik menurut undang-undang.

(3) Majlis boleh dilantik sebagai wasi.

Syarat penerima wasiat

9. (1) Penerima wasiat hendaklah orang yang—

- (a) wujud dan diketahui dengan jelas;
- (b) mempunyai kelayakan untuk memiliki harta yang diwasiatkan menurut mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (c) boleh menerima harta yang diwasiatkan menurut Hukum Syarak.

(2) Walau apa pun yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a), Bahagian VI hendaklah terpakai kepada penerima wasiat yang belum wujud atau yang tidak ditentukan.

Syarat harta yang diwasiatkan

10. Harta yang diwasiatkan hendaklah—

- (a) sesuatu yang boleh dijadikan harta pusaka atau boleh dijual beli semasa hidup pewasiat;
- (b) sesuatu yang bernilai;
- (c) sesuatu yang boleh dipindah milik selepas kematian pewasiat;
- (d) sesuatu yang jika ditentukan, wujud dan dalam milik pewasiat, atau jika tidak ditentukan, hendaklah wujud semasa kematian pewasiat; dan
- (e) sesuatu yang tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.

Kaedah berwasiat

11. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat dengan—

- (a) memberi harta atau mana-mana bahagian daripada harta yang akan diperoleh melalui harta pusaka kepada penerima wasiat; atau
- (b) memberi pinjaman kepada penerima wasiat apa-apa bahagian daripada harta.

(2) Wasiat yang disebut dalam subseksyen (1) tidak boleh melebihi satu pertiga daripada harta pewasiat kecuali dengan persetujuan semua waris selepas kematian pewasiat.

(3) Walau apa pun yang dinyatakan dalam subseksyen (2), jika sebahagian waris bersetuju dengan kadar yang melebihi daripada satu pertiga dan sebahagian yang lain tidak bersetuju, maka, penerima wasiat berhak ke atas kadar bahagian waris yang bersetuju sahaja.

(4) Jika penerima wasiat lebih daripada seorang dan kadar pembahagian tidak ditentukan oleh pewasiat, penerima wasiat hendaklah berkongsi dengan kadar sama rata harta yang diwasiatkan itu.

(5) Tertakluk kepada subseksyen 30(1), jika mana-mana waris telah ditentukan sesuatu bahagian dan bahagian itu melebihi daripada kadar yang dia akan berhak ke atas harta pusaka itu, maka, bahagian yang lebih itu hendaklah dianggap sebagai wasiat.

Penyelesaian tanggungan sebelum pelaksanaan wasiat

12. Sesuatu wasiat hendaklah dilaksanakan selepas ditunaikan segala tanggungan pewasiat mengikut keutamaan berikut:

- (a) perbelanjaan bagi pengkebumian pewasiat; dan
- (b) pelunasan hutang pewasiat.

Wasiat kepada tempat ibadat orang Islam dan badan kebajikan

13. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat kepada tempat ibadat orang Islam, badan kebajikan, institusi akademik atau kepada mana-mana badan atau pihak yang boleh mendatangkan manfaat kepada kebajikan umum menurut Hukum Syarak.

(2) Jika wasiat itu tidak menentukan cara penggunaannya, ia hendaklah digunakan untuk apa-apa maksud kebajikan umum yang tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.

BAHAGIAN III

WASIAT TERBATAL DAN WASIAT TERHALANG

Wasiat terbatal

14. Sesuatu wasiat hendaklah terbatal jika—

- (a) pewasiat menarik balik wasiatnya mengikut Bahagian IV Enakmen ini;

- (b) penerima wasiat mati atau terbubar sebelum pewasiat;
- (c) pewasiat hilang kelayakan mengikut subseksyen 4(1);
- (d) penerima wasiat tidak memenuhi syarat-syarat penerimaan wasiat mengikut subseksyen 9(1); atau
- (e) harta yang diwasiatkan tidak wujud.

Wasiat orang yang ditahan atau ditegah menguruskan hartanya

15. Sesuatu wasiat yang telah wujud secara sah tidak menjadi terbatal semata-mata kerana pewasiat ditahan atau ditegah daripada menguruskan hartanya.

Orang yang membunuh pewasiat tidak berhak kepada wasiat

16. Penerima wasiat adalah terhalang dan tidak berhak menerima bahagiannya di dalam wasiat itu sekiranya didapati bersalah oleh mana-mana mahkamah bagi kesalahan—

- (a) membunuh pewasiat dengan niat;
- (b) bersubahat membunuh pewasiat; atau
- (c) menjadi saksi palsu yang keterangannya menyebabkan pewasiat dihukum bunuh dan hukuman tersebut dilaksanakan.

BAHAGIAN IV

PENARIKAN BALIK WASIAT

Perbuatan yang boleh dianggap sebagai menarik balik wasiat

17. Seseorang pewasiat boleh dianggap menarik balik keseluruhan atau sebahagian wasiatnya secara nyata atau tersirat apabila dia—

- (a) melakukan apa-apa perbuatan atau menimbulkan keadaan yang menunjukkan bahawa dia telah menarik balik wasiatnya;
- (b) melupuskan harta yang diwasiatkannya; atau
- (c) mewujudkan wasiat baharu.

Perbuatan yang tidak boleh dianggap sebagai menarik balik wasiat

18. Pewasiat tidak boleh dianggap menarik balik wasiatnya jika dia—

- (a) mengubah suai sifat harta yang diwasiatkan; atau
- (b) membuat apa-apa penambahan ke atas harta yang diwasiatkan di mana harta tersebut tidak dapat diserahkan kepada penerima wasiat melainkan bersama-sama dengan penambahan itu.

BAHAGIAN V

PENERIMAAN DAN PENOLAKAN WASIAT

Penerimaan dan penolakan wasiat

19. (1) Sesuatu wasiat yang telah didaftarkan boleh dilaksanakan apabila diterima secara nyata atau tersirat oleh penerima wasiat selepas kematian pewasiat.

(2) Penolakan sesuatu wasiat boleh dibuat secara nyata atau tersirat oleh penerima wasiat selepas kematian pewasiat.

(3) Jika penerima wasiat mati sebelum menerima atau menolak wasiat itu, waris penerima wasiat hendaklah menentukan sama ada menerima atau menolak wasiat itu.

Penerimaan dan penolakan oleh wali harta

20. (1) Penerimaan atau penolakan wasiat hendaklah dibuat oleh wali harta jika penerima wasiat ialah—

- (a) seorang yang belum mencapai umur lapan belas tahun;
- (b) orang yang ditegah atau tidak berkeupayaan menguruskan hartanya; atau
- (c) anak dalam kandungan dengan syarat bahawa dia dilahirkan hidup.

(2) Wali harta boleh menolak sesuatu wasiat bagi penerima wasiat dalam keadaan yang disebut di bawah subseksyen (1) jika pada pendapat wali harta itu, wasiat itu boleh mendatangkan mudarat kepada penerima wasiat tersebut.

Penerimaan dan penolakan oleh badan yang diperbadankan atau tidak diperbadankan

21. Jika penerima wasiat itu ialah—

- (a) badan yang diperbadankan, penerimaan atau penolakannya hendaklah dibuat secara nyata atau tersirat oleh wakil sah badan tersebut; atau
- (b) kumpulan orang yang tidak diperbadankan, penerimaan dan penolakannya tidak diperlukan dan harta wasiat itu hendaklah diserahkan kepada wakil yang diberi kuasa dalam kalangan mereka untuk diuruskan bagi maksud wasiat itu.

Tempoh penerimaan atau penolakan wasiat

22. (1) Penerimaan atau penolakan wasiat bolehlah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari selepas penerima wasiat mengetahui kematian pewasiat dan kewujudan wasiat tersebut, mengikut mana yang terkemudian.

Dengan syarat, penerima wasiat boleh menerima atau menolak wasiat itu melebihi daripada tempoh di atas jika dia mempunyai alasan munasabah yang melambatkannya untuk berbuat demikian.

(2) Jika tiada penerimaan atau penolakan dibuat oleh penerima wasiat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1), mana-mana waris pewasiat atau wasi bolehlah membuat tuntutan di mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah bagi mengarahkan penerima wasiat menyatakan penerimaan atau penolakannya bagi wasiat itu.

(3) Jika penerima wasiat tidak menyatakan penerimaan atau penolakan kepada wasiat itu sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah di bawah subseksyen (2), atau penerima wasiat tidak hadir setelah penyampaian yang sah, mahkamah boleh membatalkan wasiat itu.

Penerimaan dan penolakan sebahagian daripada wasiat

23. (1) Jika penerima wasiat menerima sebahagian daripada wasiat dan menolak sebahagian yang lain, wasiat itu terbatal setakat bahagian yang ditolak.

(2) Jika sebahagian daripada penerima wasiat menerima wasiat dan sebahagian yang lain menolaknya, wasiat itu terbatal setakat bahagian penerima wasiat yang menolak.

Penolakan sebelum dan selepas kematian pewasiat

24. (1) Sesuatu wasiat tidak terbatal jika penerima wasiat menolak wasiat tersebut sebelum kematian pewasiat.

(2) Jika penerima wasiat menolak keseluruhan atau sebahagian daripada wasiat selepas kematian pewasiat tetapi sebelum menerima harta itu, wasiat itu terbatal setakat bahagian yang ditolak.

Hak penerima wasiat terhadap harta yang diwasiatkan

25. (1) Jika penerima wasiat wujud ketika kematian pewasiat, dia adalah berhak terhadap harta yang diwasiatkan itu bermula dari masa kematian itu, kecuali suatu masa lain telah ditetapkan dalam wasiat itu.

(2) Penerima wasiat adalah berhak terhadap apa-apa keuntungan atau penambahan ke atas harta yang diwasiatkan dari tarikh dia berhak sehingga tarikh harta itu diterimanya dan tidak dianggap sebahagian daripada wasiat itu, dan apa-apa perbelanjaan dalam tempoh tersebut hendaklah ditanggung oleh penerima wasiat.

BAHAGIAN VI

PENERIMA WASIAT

Wasiat kepada penerima wasiat yang belum wujud, dsb

26. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat kepada penerima wasiat yang belum wujud atau kepada sekumpulan penerima wasiat yang sebahagiannya telah wujud dan yang sebahagian lagi belum wujud.

(2) Jika penerima wasiat yang disebut dalam subseksyen (1) tidak wujud ketika kematian pewasiat, harta yang diwasiatkan hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pewasiat.

(3) Dalam keadaan wujud seorang sahaja penerima wasiat semasa kematian pewasiat, dia berhak kepada harta yang diwasiatkan.

(4) Dalam keadaan wujud lebih daripada seorang penerima wasiat, harta tersebut hendaklah dibahagikan mengikut bahagian yang ditentukan dalam wasiat.

(5) Dalam keadaan bahagian wasiat tidak ditentukan, harta itu hendaklah dibahagikan sama rata dan jika salah seorang daripada penerima wasiat mati, bahagiannya menjadi harta pusaknya.

(6) Jika wujud seorang sahaja penerima wasiat semasa kematian pewasiat, dia berhak kepada semua harta itu melainkan terdapat bukti yang menunjukkan bahawa pewasiat berhasrat memberi kepada beberapa orang penerima wasiat lain.

(7) Tertakluk kepada subseksyen (6), jika terdapat bukti menunjukkkan terdapat beberapa orang penerima wasiat, penerima wasiat yang wujud itu hendaklah berhak kepada bahagiannya sahaja dan jika dibuktikan bahawa tiada penerima wasiat lain yang wujud, bakinya hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pewasiat.

(8) Dalam keadaan sesuatu wasiat dibuat secara berperingkat–

- (a) harta yang diwasiatkan itu hendaklah diberikan kepada penerima peringkat pertama dan seterusnya sehingga selesai semua harta yang diwasiatkan; dan
- (b) jika penerima-penerima peringkat itu telah tidak wujud lagi semasa kematian pewasiat, harta yang diwasiatkan tersebut hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pewasiat.

Wasiat kepada orang tertentu

27. (1) Tertakluk kepada seksyen 26, jika sesuatu wasiat dibuat kepada kumpulan orang secara umum tanpa menyebut nama mereka, dan sebahagian daripada mereka hilang kelayakan untuk menerima wasiat ketika kematian pewasiat, bahagian mereka yang hilang kelayakan itu hendaklah dibahagikan sama rata dalam kalangan penerima wasiat yang layak menerima wasiat sahaja.

(2) Jika wasiat dibuat untuk dikongsi di antara orang tertentu dengan kumpulan orang atau pihak tertentu atau dalam kalangan mereka semua, maka, orang atau kumpulan orang atau pihak tertentu itu hendaklah berhak menerima harta mengikut bahagian masing-masing.

(3) Jika sesuatu wasiat bagi mana-mana orang atau orang yang ditentukan terbatal, maka, harta yang diwasiatkan itu hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pewasiat.

Wasiat kepada anak dalam kandungan

28. (1) Sesuatu wasiat yang dibuat kepada anak dalam kandungan adalah sah jika—

- (a) pewasiat membuat *iqrar* wujudnya anak dalam kandungan dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak ketika wasiat itu dibuat; atau
- (b) pewasiat tidak membuat *iqrar* wujudnya anak dalam kandungan dan anak itu dilahirkan hidup semasa ibu kanak-kanak itu masih dalam perkahwinan atau dalam '*iddah talaq raj'i*' atau '*iddah* apabila kematian suaminya atau '*iddah bain* selepas tempoh yang sah menurut Hukum Syarak bermula dari masa wasiat itu dibuat.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak dalam kandungan orang lain dengan syarat anak dalam kandungan itu wujud ketika wasiat dibuat.

(3) Bahagian harta yang diwasiatkan kepada anak dalam kandungan hendaklah ditadbir oleh wali harta atau wasinya sehingga dia dilahirkan hidup dan hendaklah diserahkan kepadanya apabila dia mempunyai kelayakan untuk menerimanya.

Anak dalam kandungan yang dilahirkan lebih daripada seorang

29. Jika lebih daripada seorang anak dalam kandungan yang dilahirkan hidup sama ada pada satu masa atau pada masa yang berlainan yang selangnya adalah kurang daripada enam bulan, wasiat itu hendaklah—

- (a) dibahagi sama rata antara mereka, melainkan diperuntukkan sebaliknya dalam wasiat itu;

- (b) jika salah seorang daripada mereka dilahirkan mati, anak yang hidup itu hendaklah berhak ke atas semua harta yang diwasiatkan melainkan diperuntukkan sebaliknya dalam wasiat itu; atau
- (c) jika salah seorang anak dalam kandungan mati selepas ia dilahirkan hidup, bahagiannya atas harta yang diwasiatkan itu hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusakanya tetapi jika wasiat itu adalah untuk manfaat sahaja ia hendaklah kembali menjadi sebahagian daripada harta pusaka pewasiat.

Wasiat kepada waris dan bukan waris

30. (1) Sesuatu wasiat yang dibuat kepada seseorang waris hendaklah tidak berkuat kuasa sehingga diberi persetujuan oleh waris-warisnya selepas kematian pewasiat.

(2) Sesuatu wasiat yang dibuat kepada seseorang yang bukan waris pewasiat hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada harta pewasiat kecuali dengan persetujuan semua waris selepas kematian pewasiat.

BAHAGIAN VII

WASIAT WAJIBAH

Wasiat *wajibah*

31. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika seorang datuk atau nenek mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucu daripada anak lelaki atau anak perempuannya yang mati terlebih dahulu daripada datuk atau nenek itu atau yang mati serentak dengan datuk atau nenek itu, cucunya itu berhak mendapat wasiat *wajibah*.

(2) Pelaksanaan wasiat *wajibah* yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) cucu itu bukan waris kepada harta pusaka datuk atau nenek yang mati;
- (b) cucu itu beragama Islam;
- (c) cucu itu tidak terlibat dengan pembunuhan ibu, bapa, datuk atau nenek yang mati; dan

- (d) cucu itu tidak menerima harta daripada datuk atau nenek yang mati sama ada melalui hibah, wasiat atau pemberian lain mengikut kadar wasiat *wajibah* yang selayaknya diterima oleh cucu itu.

(3) Pembahagian wasiat *wajibah* dalam subseksyen (1) boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan dengan pengurusan jenazah, wasiat *ikhtiyariyyah* dan hutang-piutang datuk atau nenek yang mati.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seorang datuk atau nenek mati dengan membuat wasiat, hibah atau pemberian-pemberian lain kepada cucunya, cucu itu masih berhak untuk mendapat wasiat *wajibah* sekiranya dia memenuhi syarat dalam perenggan (2)(a), (b) dan (c).

Kadar wasiat *wajibah*

32. (1) Kadar wasiat *wajibah* bagi cucu yang berhak hendaklah mengikut bahagian faraid bapa atau ibunya yang layak diterima oleh bapa atau ibunya jika mereka masih hidup dan hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati.

(2) Wasiat *wajibah* hendaklah mengikut kadar berikut:

- (a) jika kadar bahagian faraid bapa atau ibu kepada cucu itu kurang daripada satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati, kadarnya hendaklah mengikut bahagian faraid tersebut;
- (b) jika kadar bahagian faraid bapa atau ibu kepada cucu itu melebihi daripada satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati, kadarnya hendaklah dihadkan kepada satu pertiga daripada harta pusaka itu melainkan jika mendapat persetujuan daripada waris datuk atau nenek yang mati;
- (c) jika datuk atau nenek yang mati telah mewasiatkan kepada cucunya mengikut subseksyen 31(4) dengan kadar yang melebihi bahagian faraid bapa atau ibunya daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati tetapi tidak melebihi satu pertiga, lebihan tersebut dikira sebagai wasiat *ikhtiyariyyah* yang berhak diterima oleh cucu itu tanpa perlu mendapat persetujuan daripada waris datuk atau nenek yang mati; atau

- (d) jika datuk atau nenek yang mati telah mewasiatkan atau menghibahkan atau memberikan harta melalui apa-apa pemberian kepada cucu itu mengikut subseksyen 31(4) dengan kadar yang kurang daripada bahagian faraid bapa atau ibunya daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati, kadarnya hendaklah mengikut kadar wasiat *wajibah*.

Pembahagian wasiat *wajibah*

33. Pembahagian harta yang telah ditentukan kadarnya di bawah seksyen 32 hendaklah mengikut aturan yang berikut:

- (a) jika hanya seorang cucu, dia berhak kepada keseluruhan wasiat *wajibah*;
- (b) jika lebih daripada seorang cucu dan terdiri daripada semua lelaki atau semua perempuan, pembahagian wasiat *wajibah* hendaklah dibuat secara sama rata; atau
- (c) jika terdapat gabungan cucu lelaki dan perempuan, pembahagian wasiat *wajibah* hendaklah mengikut nisbah yang telah ditentukan oleh hukum faraid bagi anak lelaki dan perempuan.

BAHAGIAN VIII

KUASA MAJLIS

Kuasa Majlis

34. Majlis hendaklah mempunyai kuasa dan kawalan ke atas semua perkara berkaitan wasiat orang Islam termasuk mana-mana penyedia wasiat menurut Enakmen ini.

Pelantikan Ketua Pendaftar Wasiat dan Pendaftar Wasiat

35. (1) Majlis boleh melantik seorang Ketua Pendaftar Wasiat yang hendaklah mempunyai penyeliaan dan kawalan ke atas Pendaftar Wasiat dan semua perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran wasiat di bawah Enakmen ini.

(2) Majlis boleh melantik beberapa orang sebagaimana yang perlu untuk menjadi Pendaftar Wasiat yang bertanggungjawab untuk—

- (a) mendaftar semua wasiat dalam bentuk atau cara yang ditentukan oleh Majlis; dan
- (b) memegang, menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi semua wasiat atau apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan wasiat.

Pendaftaran wasiat, wasi dan penyedia wasiat

36. (1) Sesuatu wasiat dan wasi yang dibuat hendaklah didaftarkan dengan Pendaftar Wasiat.

(2) Sesuatu wasiat yang dipinda atau dibatalkan hendaklah didaftarkan dengan Pendaftar Wasiat.

(3) Mana-mana orang boleh memohon kepada Pendaftar Wasiat untuk didaftarkan sebagai penyedia wasiat.

(4) Pendaftaran di bawah subseksyen (1) hendaklah diterima sebagai bukti muktamad oleh mahkamah melainkan dibuktikan sebaliknya.

BAHAGIAN IX

PENGESAHAN WASIAT

Pengesahan wasiat di mahkamah

37. (1) Pengesahan wasiat termasuk wasiat *wajibah* dan wasiat yang tidak didaftarkan hendaklah dibuat di mahkamah mengikut tatacara yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa.

(2) Perintah atau penghakiman yang dikeluarkan oleh mahkamah hendaklah mengikat waris, wakil persendirian, pentadbir dan pemegang amanah.

BAHAGIAN X

AM

Hukum Syarak

38. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.

(2) Jika terdapat apa-apa *lacuna* atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, mahkamah hendaklah merujuk kepada Hukum Syarak.

Kuasa membuat peraturan-peraturan

39. (1) Majlis boleh, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat berkenaan dengan yang berikut:

- (a) borang, daftar dan dokumen-dokumen lain yang digunakan berkaitan dengan mana-mana tindakan atau perkara yang dibuat di bawah atau menurut Enakmen ini;
 - (b) bentuk apa-apa sijil, notis atau dokumen-dokumen lain yang dikehendaki bagi maksud melaksanakan Enakmen ini;
 - (c) membuat carian dan memberi salinan-salinan yang diperakui;
 - (d) fi yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Enakmen ini, dan cara memungut dan melupuskan fi itu; dan
 - (e) perkara-perkara lain yang difikirkan suai manfaat atau perlu oleh Majlis bagi maksud Enakmen ini.
-

JADUAL
[subseksyen 2(3)]

TULISAN DALAM BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN
DAN UNGKAPAN TERTENTU

<i>Badal</i>	بدل
<i>Faraid</i>	فرائض
<i>Fidyah</i>	فدية
<i>Hibah</i>	هبة
<i>Hukum Syarak</i>	حکوم شرع
<i>'Iddah</i>	عدة
<i>'Iddah bain</i>	عدة بانن
<i>Iqrar</i>	إقرار
<i>Kafarah</i>	كفارة
<i>Maradh-al-maut</i>	مرض الموت
<i>Nazar</i>	نذر
<i>Talaq raj'i</i>	طلاق رجعي
<i>Wali</i>	ولي
<i>Waris</i>	وارث
<i>Wasi</i>	وصي
<i>Wasiat</i>	وصية
<i>Wasiat Ikhtiyariyyah</i>	وصية اختيارية
<i>Wasiat Wajibah</i>	وصية واجبة
<i>Zakat</i>	زكاة

Diluluskan pada 8 Disember 2023
[MAIPK (BP) A603/228/1; PU.Pk. 3/2023]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan



LAWS OF THE STATE OF PERAK

Enactment 19

MUSLIM WILLS (PERAK) ENACTMENT 2023

Date of Royal Assent	...	...	21 December 2023
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	28 December 2023

LAWS OF THE STATE OF PERAK

Enactment 19

MUSLIM WILLS (PERAK) ENACTMENT 2023

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement
2. Interpretation

PART II

EXECUTION OF WILL

3. Making of will
4. Competency of testator
5. Conditional will
6. Amendment of will
7. Proof of amendment or revocation of will
8. Competency of *wasi*
9. Conditions of beneficiary
10. Conditions of the bequeathed property
11. Mode of will
12. Settlement of liabilities before execution of will
13. Will to place of Muslim worship and charitable institutions

PART III

VOIDABLE WILL AND OBSTRUCTED WILL

14. Voidable will

Section

15. Will of the person who is prevented or prohibited to administer his property
16. A person who kills the testator is not entitled to the will

PART IV**REVOCATION OF WILL**

17. Acts that may be deemed to be revocation of will
18. Acts that may not be deemed to be revocation of will

